

19 AUG 2004

Mahathir-P/raja

DR M YAKIN BN MENANG MAJORITI LEBIH BESAR DI KUALA BERANG

SEREMBAN, 19 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kemenangan dengan majoriti lebih besar pada pilihan raya kecil kerusi negeri Kuala Berang, 28 Ogos ini.

Keyakinannya itu bersandarkan usaha gigih pemimpin BN di Terengganu menunaikan janji-janji pada pilihan raya umum Mac lepas, katanya.

"(Lagipun) saya fikir orang Terengganu masih tak berminat untuk undi PAS. Dia (PAS) buat macam-macam tafsiran agama yang salah...yang digunakan semata-mata untuk memancing undi, iaitu undi PAS masuk syurga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta pandangannya mengenai peluang BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Berang yang diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan berkenaan Komaruddin Abdul Rahman, 46, pada 30 Julai lepas.

Dr Mahathir ditemui selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Sekolah Bertaraf Dunia" dan sekaligus merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban Dua, dekat sini hari ini. Hadir sama ialah Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Pilihan raya kecil DUN Kuala Berang menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Mohamed Zawawi Alias dan calon PAS Muhyiddin Abdul Rashid.

Pada pilihan raya umum 21 Mac lepas, Allahyarham Komaruddin menewaskan calon PAS Dr Mamad Puteh dengan majoriti 1,695 undi.

Dr Mahathir berkata PAS tidak patut "menjual" ayat-ayat Al-Quran untuk menipu masyarakat, khususnya pengundi kerana perkara itu dilarang dalam agama Islam.

Namun begitu, Dr Mahathir mengingatkan BN supaya tidak leka dan tidak terlalu yakin, sebaliknya berusaha gigih memastikan kemenangan BN pada pilihan raya kecil itu nanti.

Beliau turut membidas PAS kerana mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari yang dibawa oleh BN, khususnya Umno.

"Apa sahaja yang orang buat, semuanya dipertikaikan PAS. Tidak ada satu yang baik, semua negatif," katanya.

-- BERNAMA

APG RON